

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa ahli-ahli Parlimen tidak dibekalkan dengan ‘first-hand information’ mengenai data kematian dan kuarantin akibat COVID-19 agar dapat membantu dalam mengawal keadaan di kawasan masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan pengendalian data berkaitan kes COVID-19, ia perlu dilaksanakan secara berhati-hati dan penuh berhemah berdasarkan kepada punca kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Perubatan 1971. Maklumat peribadi pesakit yang dikumpulkan juga dilindungi oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Justeru, semua pihak yang terlibat dengan pengendalian dan penggunaan maklumat pesakit adalah bertanggungjawab ke atas kerahsiaannya dan perlu mematuhi undang-undang, pekeliling serta arahan yang berkaitan.

2. Pada masa ini, bagi memenuhi keperluan mendesak untuk menangani penularan COVID-19 secara berkesan, Kementerian Kesihatan telah membuat penurunan kuasa untuk perkongsian data yang agak terperinci dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 khusus bagi aktiviti pemantauan ke atas individu yang dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian, di bawah seksyen 15(1) Akta tersebut. Namun begitu, kebenaran khas ini dan data yang dikongsikan melalui peruntukan tersebut hanya boleh diguna pakai sepanjang tarikh kuatkuasa penurunan kuasa terbabit sahaja.

Sekian, terima kasih.